



SIARAN MEDIA **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

“2017 TAHUN PENABUNGAN”

1. Kuala Lumpur, 08 April 2017 – PTPTN menetapkan bahawa **Tahun 2017** ini merupakan “**Tahun Penabungan**”. Program dan aktiviti PTPTN adalah lebih bertemakan penabungan bagi menjadikan **masyarakat Malaysia membudayakan penabungan** dan “**Tabung Pendidikan**” sentiasa di bibir mereka untuk penabungan, bukannya untuk pinjaman semata-mata. PTPTN menyeru kepada rakyat Malaysia agar pada tahun 2017 ini terus merebut peluang yang ada dengan menyimpan di dalam **SSPN-i Plus** kerana ia merupakan pilihan penabungan pendidikan yang terbaik.
2. Sejak tahun 2004 lagi, PTPTN telah **mengorak langkah** melaksanakan strategi mentransformasikan minda masyarakat Malaysia untuk merancang penabungan dari awal melalui **Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i)**. Setelah 12 tahun **SSPN-i** diperkenalkan, PTPTN telah memperkenalkan pula satu lagi produk baharu iaitu **SSPN-i Plus** bagi tujuan simpanan demi masa depan pendidikan dengan menawarkan perlindungan takaful yang amat murah dan komprehensif.
3. **Setiap ringgit yang disimpan di dalam SSPN-i Plus diberi jaminan sepenuhnya oleh Kerajaan serta berpandukan kepada sistem kewangan yang patuh syariah.** Masyarakat juga bukan sahaja melabur untuk tujuan pendidikan tetapi juga mendapat perlindungan takaful serta memperoleh dividen yang amat kompetitif. Dividen yang diberikan pada tahun 2016 adalah sebanyak 4%. Tambahan pula skim ini merupakan satu-satunya pelan simpanan yang mempunyai pelepasan taksiran cukai sehingga RM12,000.
4. Bagi menggalakkan penabungan, **Cabutan Wow! SSPN-i Plus** terus dilaksanakan bagi tahun 2016/2017 dengan lebih 300 hadiah menarik bernilai RM1.5 juta

untuk dimenangi. Tujuan utama cabutan ini adalah untuk menarik minat masyarakat untuk terus menabung, selain menghargai pendeposit setia SSPN-i Plus. Terdapat dua kategori cabutan yang diadakan iaitu Cabutan Tahunan dan Cabutan Suku Tahun. **Cabutan Tahunan** menawarkan hadiah utama Proton Perdana, tempat kedua Toyota Vios, tempat ketiga Motosikal Kawasaki dan hadiah saguhati RM2,000. Manakala bagi **suku tahun** hadiah yang ditawarkan sebuah Honda Jazz dan saguhati RM2,000.

5. Dalam **pengumuman Bajet 2017** pada 21 Oktober 2016 yang lalu, YAB Perdana Menteri turut **mengumumkan pemberian insentif geran sepadan secara PERCUMA sebanyak RM50 kepada pelajar-pelajar tahun 1 sekolah bantuan penuh kerajaan tahun 2017** dalam bentuk deposit SSPN-i. Ini membuktikan bahawa Kerajaan sebenarnya amat serius untuk membentuk masyarakat mengamalkan budaya menabung semenjak anak-anak masih kecil lagi.
6. **Sejak SSPN-i Plus dilancarkan pada Jun 2015, sehingga 28 Februari 2017 jumlah akaun yang dibuka adalah sebanyak 67,076 akaun dengan jumlah deposit simpanan terkumpul sebanyak hampir RM20.3 juta dan jumlah manfaat perlindungan takaful sehingga RM3.2 bilion.**
7. **Sasaran PTPTN bagi tahun 2017 adalah memperoleh 350 ribu akaun SSPN-i dan SSPN-i Plus dengan jumlah simpanan sebanyak RM550 juta.** Bagi tahun 2016, PTPTN telah **berjaya memperoleh sebanyak 299,770 akaun baharu berbanding 250,000 sasaran akaun dan berjaya mencapai jumlah deposit sebanyak RM544.51 juta berbanding sasaran sebanyak RM400 juta.**

(EJEN ONLINE PTPTN)

8. Selaras dengan dunia *cyber* tanpa sempadan, PTPTN secara agresif memperkenalkan program pemasaran bagi produk simpanan SSPN-i Plus melalui ejen *online*. Ianya **merangkumi Program Rakan Niaga Affiliate dan Ejen Pemasaran Online**. Diperkenalkan bertujuan untuk menggalakkan penyertaan rakyat Malaysia menyimpan di dalam SSPN-i Plus.
9. Program hebat yang diperkenalkan ini sudah tentu **memberikan pelbagai manfaat yang menerujukan**. Komisen sebanyak 15% diberikan kepada Rakan Niaga **Affiliate** dan 25% diberikan kepada Ejen Pemasaran *Online*. Ejen *Online* PTPTN

juga tidak perlu menyediakan sebarang modal, waktu kerja yang amat fleksibel, latihan/ bimbingan berterusan diberikan dan tidak melibatkan transaksi tunai.

10. Berita baik kepada Ejen *Online* PTPTN kerana PTPTN turut menyediakan **Anugerah Ejen *Online* PTPTN Terbaik**. Dengan hanya mencapai pembukaan akaun baharu SSPN-i Plus dalam jumlah yang ditetapkan, ejen *online* PTPTN berpeluang memenangi hadiah lumayan berupa **pakej percutian ke luar negara bagi kategori pencapaian tahunan dan memperoleh wang tunai bagi kategori pencapaian suku tahun**.

(TRIPLE PLUS : PENABUNGAN, PERLINDUNGAN, PENDAPATAN)

11. Bersempena dengan '**Tahun Penabungan**' dan bagi menggalakkan minat orang ramai untuk menjadi **Ejen Online**, PTPTN telah memperkenalkan satu program yang cukup komprehensif pada tahun **2017** ini. Segala-galanya Plus untuk produk PTPTN. Kerana itu, PTPTN sebagai Tabung Pendidikan utama negara hari ini telah melaksanakan **Program Triple Plus** untuk rakyat Malaysia. Triple Plus mencerminkan **tiga (3) manfaat besar yang ingin PTPTN berikan kepada rakyat Malaysia iaitu Penabungan, Perlindungan dan Pendapatan**.
12. Program berkonsepkan seminar ini akan **diterajui oleh penceramah-penceramah hebat di Malaysia** bertujuan untuk **menyediakan platform kepada rakyat Malaysia untuk menjana pendapatan menerusi produk PTPTN**. Program ini juga adalah sebagai **salah satu peluang PTPTN untuk membantu pelajar yang telah menamatkan pengajian terutamanya peminjam PTPTN untuk menjana pendapatan sampingan dengan menyertainya**. Ini bermakna **PTPTN bukan hanya memberi pinjam dan mengutip balik pinjaman yang telah diberikan tetapi lebih daripada itu memperkenalkan Triple Plus untuk mereka lebih maju ke hadapan dan memperoleh pendapatan**.
13. Siri pertama Triple Plus **bermula pada hari ini dan akan menjelajah ke seluruh negara sehingga Julai 2017**. Untuk itu, **daftarlah segera** beramai-ramai kerana ianya adalah **PERCUMA** khusus untuk **membantu rakyat Malaysia**.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
08 April 2017